

MESTI BACA

Peralatan Perlindungan Diri dan Fungsinya

1. Peralatan perlindungan diri pada murid dan fungsinya.
 - (a) Gogal - melindungi mata
 - (b) Topeng muka - melindungi hidung dan mulut daripada terhidu bahan kimia
 - (c) Sarung tangan - melindungi tangan daripada bahan kimia
 - (d) Baju makmal - mengelakkan kerosakan pada pakaian
 - (e) Kasut tertutup - melindungi kaki daripada tumpahan bahan kimia
2. Peralatan perlindungan diri di dalam makmal dan fungsinya.
 - (a) Kabinet aliran laminar - mengelakkan kontaminasi semasa eksperimen yang melibatkan mikroorganisma
 - (b) Penyiram kecemasan - membersihkan bahagian badan atau pakaian yang terkena bahan kimia
 - (c) Pembilas mata - mencuci mata yang terkena bahan kimia
 - (d) Kebuk wasap - untuk mengendalikan eksperimen yang melibatkan bahan kimia yang beracun dan meruap

JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

6. Iqram sedang menjalankan suatu eksperimen di dalam makmal.



- (a) Nyatakan **dua** contoh peralatan perlindungan diri yang dipakai oleh Iqram ketika di dalam makmal.

- (b) Iqram perlu menggunakan bahan berasid yang berkepekatan tinggi dalam eksperimen yang dijalankan olehnya.

- (i) Di manakah Iqram harus mengendalikan bahan kimia tersebut apabila berada di dalam makmal?

Di

- (ii) Nyatakan **dua** peralatan perlindungan diri lain yang perlu dipakai oleh Iqram sewaktu mengendalikan bahan berasid itu.

- (c) Mata Iqram terkena bahan kimia semasa menjalankan eksperimen. Apakah tindakan yang harus dilakukan oleh Iqram?

Mencuci mata dengan

 dengan segera.

PILIHAN JAWAPAN

Bagi soalan 6(a) - (c)

baju makmal
pembilas mata
sarung tangan
kebuk wasap
kasut bertutup
topeng muka